

Usaha perlu ditingkat cegah, sokong wanita mangsa keganasan: Presiden Halimah
- Muka 2

Gelora Ukraine: 700 warga korban perang sejauh ini
- Muka 9

Selepas 26 tahun, K. Kannan tidak lagi digantung FAS
- Muka 15

Pendekatan jagaan kesihatan kini lebih tumpu pada warga: PM Lee

Pusat Spesialis AMK TTSH yang baru selaras matlamat SG tumpu pada cegah penyakit dari penjagaan hospital

HAKIM YUSOF
hakim@sph.com.sg



KHIDMAT JAGAAN KESIHATAN DEPAN PINTU: PM Lee meninjau Pusat Spesialis Ang Mo Kio, yang menurut beliau membawa rangkaian kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar terus ke depan pintu penduduk dan bertujuan menawarkan penjagaan berterusan. - Foto HOSPITAL TAN TOCK SENG

PEMERINTAH akan mengambil pendekatan lebih tertumpu pada warga dalam soal penjagaan kesihatan, bagi memberi perkhidmatan lebih baik kepada rakyat Singapura.

Ini termasuk memperkasa individu untuk menjaga kesihatan mereka sendiri melalui langkah kesihatan pencegahan, membat pengurusan penyakit dalam peringkat utama dan tetapan penjagaan masyarakat serta mempunyai agensi rangkaian dan rakan kongsi masyarakat untuk menyelaraskan penjagaan kesihatan dan sokongan sosial.

Ini dinyatakan Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, dalam ucapan semasa perasmian Pusat Spesialis Ang Mo Kio yang dikendalikan Tan Tock Seng Hospital (TTSH) semalam.

Pembukaan pusat baru itu selaras dengan objektif Singapura mengalihkan tumpuannya daripada penjagaan hospital berdasarkan penyakit kepada penjagaan bertujuan mencegah penyakit, yang lebih berdaya tahan.

Kemudahan di Ang Mo Kio Avenue 8 itu akan melibatkan lebih banyak poliklinik dan doktor umum dalam menguruskan kesihatan penduduk.

Encik Lee berkata pusat itu juga akan membawa rangkaian kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar

terus ke depan pintu penduduk dan bertujuan menawarkan penjagaan berterusan.

Namun, beliau juga berkata memastikan kesihatan dan kesejahteraan penduduk memerlukan usaha bersama.

"Pemerintah sentiasa mengkaji semula keseluruhan dasar dan strategi penjagaan kesihatan, membina kemudahan baru dan lebih baik serta menyediakan kakitangan profesional terlatih.

"Penyedia penjagaan kesihatan sentiasa berusaha meningkatkan tahap penjagaan yang diberi kepada penduduk kita.

"Tetapi penduduk juga mesti memainkan peranan untuk kekal sihat," ujar Encik

Lee. Beliau memetik beberapa statistik membimbangkan yang disebut oleh Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung, semasa perbahasan Jawatankuasa Perbekalan (COS) kementerianannya di Parlimen baru-baru ini.

Sebagai contoh, antara 2017 dan 2020, kadar warga Singapura yang mengalami tekanan darah tinggi meningkat daripada kira-kira dua dalam 10, kepada tiga dalam 10.

Kadar warga Singapura yang mempunyai kolesterol tinggi meningkat daripada kira-kira tiga dalam 10 kepada empat dalam 10.

Kadar obesiti meningkat daripada

bawah 9 peratus kepada lebih 10 peratus.

Kadar penghidap kencing manis kekal hampir sama, meskipun pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengatasi masalah itu sejak 2016.

Encik Lee berkata semua warga Singapura mesti berusaha menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala, mematuhi nasihat profesional perubatan, kekal aktif, kekal cergas dan perhatikan apa yang mereka makan.

"Saya tahu ada makanan sedap dekat sini. Tetapi tolong jangan terlalu banyak, semuanya secara sederhana.

"Itulah caranya, walaupun dengan populasi yang kian menua, kita boleh membantu sistem penjagaan kesihatan kita untuk memastikan penjagaan kesihatan mampan dan baik bagi semua warga Singapura," ujar beliau.

MOH lanjut larangan lawatan awam ke wad hospital, rumah tumpangan hingga 3 Apr
- Muka 4

Tambahan 50% ruang solat masjid tak lama lagi: Masagos

HARITH MUSTAFFA
harith@sph.com.sg

MASYARAKAT Muslim di sini dapat menjangkakan "50 peratus ruang yang di bolehkan di masjid setiap sesi" pada masa akan datang.

Dengan kelonggaran ini, jemaah boleh mendirikan solat berjemaah di masjid - tanpa jarak selamat - di bawah peraturan Covid-19 yang diperhalusi sejak kelmarin.

Encik Masagos melahirkan rasa syukur kerana sepanjang dua tahun lalu, masyarakat Muslim di sini menghormati peraturan jarak selamat yang dilaksanakan dalam pelbagai bentuk - termasuk penutupan masjid pada peringkat awal pandemik - sebelum akhirnya dapat menikmati peluang bersolat seperti biasa.

"Atas kerjasama semua jemaah dan juga bantuan dan pertolongan yang diberikan para relawan dan pegawai masjid, di samping bimbingan multi kita, kita mengharunginya dengan tabah dan sabar hingga umat kita selamat dan negara kita juga selamat," ujarnya kepada media.

"Alhamdulillah setelah dua tahun dengan kurangnya kesan yang teruk daripada jangkitan Covid-19 kita, membolehkan langkah jarak selamat dilonggarkan.

"Jadi pada hari ni (semalam), alhamdulillah hari pertama solat Jumaat kita dapat kurangkan jurang daripada satu jemaah dengan yang lain hingga kita dapat solat seperti hari-hari dahulu."

■ **Bersambung di Muka 4**

SOLAT Subuh 5.53 Syuruk 7.09 Zuhur 1.14 Asar 4.16 Maghrib 7.16 Isyak 8.25

BERKUNJUNG DENGAN SELAMAT

Setiap rumah boleh menerima **hingga 5 tetamu** pada bila-bila masa

Lakukan ujian sendiri sebelum membuat kunjungan, terutamanya jika berkunjung ke rumah-rumah yang mempunyai individu-individu mudah terjejas

Jaga kebersihan diri

Jangan mengunjungi orang lain atau menerima tetamu jika anda sakit

Dapatkan suntikan vaksin. Ambil suntikan penggalak (booster) apabila anda layak untuk mengambilnya.

Lakukan ujian sendiri secara kerap dengan menggunakan Ujian Pantas Antigen

Jumpa doktor secepat mungkin jika anda kurang sihat

Individu-individu yang belum menjalani vaksinasi harus duduk di rumah seberapa boleh

Dapatkan maklumat terkini mengenai COVID-19 dengan mendaftar untuk khidmat WhatsApp Gov.sg di laman (www.go.gov.sg/whatsapp).